

Undang-Undang bagi orang-orang bukan Islam

Undang-Undang **KERTAS KERJA** susah tak berwasiat bagi orang-orang bukan Islam. Undang-Undang Distribution Ordinance, 1958. Ordinance itu tidak sempak bagi harta pesaka orang-orang Islam atau harta pesaka tertakluk kepada Persee Intestate Succession Ordinance. Distribution Ordinance, 1958, memperuntukan bahawa pembagian harta pesaka berelih seorang yang mati adalah mengikut undang-undang negara dimana ia telah berdomisil pada masa ia mati. Sebaliknya pembagian harta pesaka tak alih di Malaysia seorang yang mati tanpa berwasiat adalah diaturkan oleh Ordinan itu

PERSIDANGAN KEBANGSAAN

"UNDANG-UNDANG HARTA DALAM ISLAM"

(18HB - 19HB MAC 1989)

DEWAN AL-MALIK FAISAL, UIA

meninggalkan isteri sahaja tanpa anak, isteri itu berhak mendapat separuh harta pesaka itu. Tertakluk kepada hak suami atau isteri yang ditinggalkan, harta pesaka seorang tak berwasiat yang meninggalkan anak dipergang sebagai amanah untuk anak-anak itu, iaitu bahagian yang sama bagi semua anak atau anak simati itu yang hidup pada masa matinya dan mencapai usia dua puluh satu tahun atau berkahwin sebelum memensi usia itu; dan untuk semua kerumahnya

"PERWARISAN HARTA DALAM ISLAM DAN UNDANG-UNDANG MALAYSIA"

**PROF. TAN SRI DATUK AHMAD IBRAHIM
(SWAIKH, KULLIYYAH UNDANG-UNDANG) UIA**

mati tak berwasiat itu, dengan ayat akhir ia susah tidak berhak mendapat bahagian jika bapa atau ibuanya adalah hidup pada masa kematian orang yang mati tak berwasiat itu dan berhak mendapat bahagiannya. Jika simati tak berwasiat itu tidak meninggalkan isteri, harta pesakinya tertakluk kepada hak suami atau isterinya adalah dijadikan amanah untuk orang-orang berikut yang hidup pada masa kematian orang itu dan mengikut susunan dan cara berikut:-

Undang-Undang bagi orang-orang bukan Islam

dengan mutlak; kemudian

Undang-Undang mengenai pembahagian harta pusaka tak berwasiat bagi orang-orang bukan Islam terkandung didalam Distribution Ordinance, 1958. Ordinance itu tidak terpakai bagi harta pesaka orang-orang Islam atau harta pesaka tertakluk kepada Parsee Intestate Succession Ordinance. Distribution Ordinance, 1958, memperuntukan bahawa pembahagian harta pesaka beralih seorang yang mati adalah mengikut undang-undang negara dimana ia telah berdomisil pada masa ia mati. Sebaliknya pembahagian harta pesaka tak alih di Malaysia seorang yang mati tanpa berwasiat adalah diaturkan oleh Ordinan itu tidak kira dimana orang itu berdomisil pada masa ia mati.

(c) sebagai amanah untuk bapa dan emak saudara simati itu, dan Dibawah Distribution Ordinance, 1958, apabila seorang mati tanpa berwasiat hartanya akan dibahagikan mengikut peruntukan seksyen 6 Ordinan itu. Jika seorang perempuan mati, meninggalkan suami, keseluruhan harta pesaka terpulang kepada suami itu. Jika seorang lelaki mati, meninggalkan isteri dan anak, isteri itu berhak mendapat satu pertiga harta pesaka itu, akan tetapi jika lelaki itu meninggalkan isteri sahaja tanpa anak, isteri itu berhak mendapat separuh harta pesaka itu. Tertakluk kepada hak suami atau isteri yang ditinggalkan, harta pesaka seorang tak berwasiat yang meninggalkan anak dipegang sebagai amanah untuk anak-anak itu, iaitu bahagian yang sama bagi semua anak atau anak simati itu yang hidup pada masa matinya dan mencapai umur dua puluh satu tahun atau berkahwin sebelum mencapai umur itu; dan untuk semua keturunannya (issue) yang hidup pada masa kematian orang yang mati tak berwasiat itu dan mencapai umur dua puluh tahun atau berkahwin sebelum mencapai umur dua puluh tahun atau berkahwin sebelum mencapai umur itu, iaitu keturunan dari anak simati yang mati sebelum bapaknya mati; keturunan (issue) itu akan mengambil bahagian bapa atau emaknya yang ia berhak jika hidup pada masa kematian orang yang mati tak berwasiat itu, dengan syarat seorang issue tidak berhak mendapat bahagian jika bapa atau ibunya adalah hidup pada masa kematian orang yang mati tak berwasiat itu dan berhak mendapat bahagiannya. Jika simati tak berwasiat itu tidak meninggalkan issue, harta pesakanya tertakluk kepada hak suami atau isterinya adalah dijadikan amanah untuk orang-orang berikut yang hidup pada masa kematian orang itu dan mengikut susunan dan cara berikut -

2/-

- (a) bagi ibubapa simati tak berwasiat itu dibahagi sama rata dan dengan mutlak; kemudian
- (b) sebagai amanah bagi adek beradek simati itu, akan tetapi jika tidak ada orang yang berhak mendapat bahagian mutlak;
- (c) bagi datuk nenek simati itu dan jika lebih dari satu dengan bahagian yang sama dan hak mutlak; dan jika tidak ada datuk mereka yang hidup pada masa kematian orang itu,
- (d) kepada isteri simati itu sebagai hak mutlak dan jika tidak ada
- (e) sebagai amanah untuk bapa dan emak saudara simati itu, dan jika tidak ada orang yang berhak mendapat hak mutlak,
- (f) bagi datuk dan nenek moyang simati itu dan jika lebih dari satu dengan bahagian yang sama; kemudian
- (g) bagi adik beradik kepada moyang simati itu.

Jika tidak terdapat sesiapa yang berhak mendapat bahagian mutlak sedemikian, Kerajaan berhak mendapat semua harta pesaka itu, kecuali tanah. Tanah dipulangkan balik kepada Raja negeri itu.

Jika orang yang mati tak berwasiat itu dibenarkan oleh undang-undang dirinya mempunyai lebih dari satu isteri dan ia meninggalkan lebih dari satu isteri, semua isteri itu akan berkongsi bersama bahagian yang diberi kepada isteri simati itu, jika isteri itu satu sahaja. Untuk pembahagian dibawah Ordinan itu diperuntukkan bahawa tidak ada perbezaan antara mereka yang berhubung dengan simati itu melalui bapanya atau ibunya atau antara mereka yang ada perhubungan melalui dua-dua ibubapa atau satu ibu atau bapa sahaja.

Diperuntukkan oleh Presumption of Survivorship Ordinance, 1950, bahawa didalam semua kes dimana dua atau lebih orang telah mati didalam keadaan yang menyebabkan tidak boleh dipastikan yang mana

bawah Inheritance (Family Provision) Act, kuasa diberi kepada

yang hidup selepas yang lain atau semua yang lain mati, kematian-kematian itu (tertakluk kepada apa-apa perintah mahkamah) hendaklah disifatkan untuk semua urusan berhubung dengan hak kepada harta berlaku mengikut susunan usianya dan oleh kerana itu yang lebih muda dianggap hidup selepas yang lebih tua. Walaubagaimanapun anggapan itu tidak dipakai apabila suami dan isteri mati bersama, oleh kerana diperuntukkan di Distribution Ordinance 1958 bahawa jika seorang mati tanpa berwasiat bersama suami atau isterinya didalam keadaan dimana tidak boleh dipastikan yang mana hidup selepas yang lain itu, seksyen 6 Distribution Ordinance hendaklah berkuatkuasa, tanpa mengira apa-apa kaedah undang-undang yang berlawanan, mengenai yang mati tak berwasiat itu sama seperti dua-dua suami isteri mati bersama dan tidak seorang yang hidup selepas yang lain.

Pada amnya apabila tidak ada wasiat hanya waris yang sahtaraf sahaja yang boleh mewarisi harta. Anak luar kahwin hanya boleh mewarisi harta ibunya, dengan syarat ibu itu tidak meninggalkan waris sahtaraf; dan begitu juga seorang ibu boleh mewarisi harta anak luar kahwinnya, tertakluk kepada tuntutan suami atau isteri atau anak orang itu. Perkataan "waris sahtaraf" termasuk orang yang disahtarafkan mengikut Legitimacy Act, 1961, dan anak yang diangkat mengikut Adoption Act, 1952.

Lelaki dan perempuan samaada sudah berkahwin atau belum yang umurnya lebih dari lapan belas tahun boleh membuat wasiat mengikut Wills Ordinance, 1959 dan bebas memberi harta mereka melalui wasiat itu. Ordinan itu memperuntukkan bahawa wasiat yang dibuat oleh seseorang adalah terbatal apabila ia berkahwin, kecuali jika wasiat itu tidak dibuat menjalankan kuasa perlantikan, apabila harta itu samaada alih atau tak alih tidak apabila perlantikan itu dibuat dipindakan kepada waris, wasi atau pentadbir yang berhak mendapat bahagian tanpa wasiat. Peruntukan itu tidak juga dikenakan membatalkan wasiat apabila wasiat itu dibuat bagi hajat perkahwinan itu. Wills Ordinance, 1959, tidak terpakai kepada wasiat yang dibuat oleh orang Islam.

Pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah dibawah Inheritance (Family Provision) Act, kuasa diberi kepada mahkamah memberi peruntukan yang munasabah bagi isteri, suami atau anak tanggungan seorang yang mati, jika mahkamah berpendapat bahawa peruntukan yang munasabah tidak dibuat oleh wasiatnya atau oleh undang-undang mengenai harta pesaka tak berwasiat atau kedua-duanya.

Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana.

Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-

2. Warisan didalam Islam tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu boleh seperenam dari harta yang mereka diriwayatkan oleh Jabir b. Abdullah bahawa mereka bersama Nabi (s.a.w.) apabila seorang perempuan Ansar datang bersama dua anak perempuannya. Ia berkata "Ya Rasulullah, ini adalah anak Thabit b. Qais yang telah mati shahid di peperangan Uhud; bapa saudara mereka telah mengambil semua harta pesaka mereka dan ia tidak tinggal apa-apa untuk mereka. Mereka tidak boleh berkahwin oleh kerana tidak mempunyai apa-apa harta. Nabi (saw) berkata "Allah akan menentukan perkara ini. Kemudian Sura al-Nisaa telah diwahyukan. Nabi saw memanggil perempuan itu dan abang iparnya. Beliau berkata kepada abang ipar itu - Berikan kepada anakanak perempuan itu dua pertiga, dan kepada ibunya satu perlapan dan bakinya ada untukmu". (Sunan Abu Dawud Kitab al-Fara'id Vol 2 p. 816)

Hadith ini menunjukkan cara pembahagian harta pesaka iaitu diberi dahulu kepada ashabul-furud dan kemudian bakinya kepada Asabah.

Didalam Sura an-Nisaa disebutkan maksudnya -"Allah perintahkan kamu mengenai pembahagian harta pesaka untuk anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu dua atau lebih maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja maka bahagiannya ialah seperdua harta itu. Dan bagi ibubapa simati tiap-tiap seorang dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh simati, jika simati itu mempunyai anak. Tetapi jika simati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua ibu-bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pulak simati itu mempunyai beberapa orang saudara adik beradik maka bahagian ibunya ialah seperenam.

Pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh simati dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibum-papa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa diantaranya yang lebih dekat serta banyak manfa'at kepada kamu. Pembahagian harta pesaka dan penentuan bahagian masing-masing seperti yang diterangkan itu ialah ketetapan dari Allah; Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana.

Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka isteri-isteri pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka ialah seperlapan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayar hutang kamu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara seibu atau saudara perempuan seibu, maka bagi tiap-tiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka (saudara yang seibu) itu lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga dengan mendapat sama banyak lelaki dan perempuan, sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan dan sesudah dibayar hutangnya. Wasiat-wasiat tersebut hendaknya tidak mendatangkan mudarat kepada waris-waris. Tiap-tiap satu hukum itu ialah ketetapan dari Allah. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, Lagi Maha Penyabar".

Didalam ayat 176 Sura An-Nisaa disebut maksudnya -

Mereka meminta fatwa kepadamu wahai Muhammad mengenai masalah Kafalah Katakanlah "Allah memberi fatwa kepada kamu dalam perkara Kafalah itu, iaitu jika seseorang mati yang tidak mempunyai anak dan ia mempunyai seorang saudara perempuan, maka bagi saudara perempuan itu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh simati, dan ia pula saudara lelaki itu mewarisi semua harta saudara perempuannya. Jika saudara perempuan itu dua orang, maka keduanya mendapat dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan sekiranya mereka saudara-saudaranya itu ramai, lelaki dan perempuan, maka bahagian seorang lelaki menyamai bahagian dua orang perempuan Allah menerangkan hukum ini kepada kamu supaya kamu tidak sesat. Dan ingatlah Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu".

6/-

Imam Nawawi didalam Minhaj-et-Talibin merengkas perkara pembahagian harta pesaka seperti berikut - Belanja perkemubian adalah tanggungan pertama dari jumlah harta pesaka si-mati; kemudian hutang-hutangnya hendaklah dibayar; kemudian pemberian dari wasiat yang diwasiatkan olehnya hendaklah diselesaikan, akan tetapi hanya setakat satu pertiga harta pesakanya selepas menolak hutang-hutang. Yang tinggal dua pertiga adalah hak ahli waris.

Sebab-sebab yang memberi hak warisan ialah empat-menurut hubungan darah, menurut hubungan perkahwinan, menurut wilak ertinya kemerdekaan yang diberi kepada hamba; dan akhirnya hubungan agama, oleh kerana jika tidak terdapat ahli waris lain, harta pesaka terpulang kepada Kerajaan Islam. Ahli waris lelaki ialah sepuluh (1) anak lelaki (2) anak lelaki dari anak lelaki (cucu lelaki) (3) Bapa (4) Datuk lelaki (5) Saudara lelaki (6) anak lelaki dari saudara lelaki, selain dari yang seibu sahaja (7) Bapa saudara sebelah bapak seibu sebapa atau sebapa; (8) Anak kepada (7); (9) Suami; (10) Orang yang memerdekaan hamba. Ahli waris perempuan ialah tujuh (1) Anak perempuan (2) Anak perempuan dari anak lelaki; (3) Ibu (4) Nenek perempuan dari pihak ibu dan bapa (5) Saudara perempuan (6) Isteri (7) Perempuan yang memerdekaan hamba.

Jika terdapat semua ahli waris lelaki itu, bapa, anak dan isteri berhak kepada harta pesaka, menyingkirkan yang lain. Jika terdapat semua ahli waris perempuan itu, hanya anak perempuan, anak perempuan kepada anak lelaki, ibu, saudara perempuan seibu sebapa dan isteri berhak kepada harta pesaka. Jika terdapat semua ahli waris lelaki dan perempuan itu, harta pesaka dibahagikan antara bapa, ibu, anak lelaki, anak perempuan dan suami atau isteri.

Doktrin asal mazhab kami tidak memberi bahagian harta pesaka kepada dhawil-arham dan ahli waris yang disebut didalam al-Quran tidak boleh mendapat lebih dari bahagian tertentu mereka. Oleh kerana itu, jika tidak terdapat ahli waris yang berhak, baki harta pesaka terpulang kepada Kerajaan. Oleh kerana ini ulema kemudian telah mengadakan kaedah iaitu dimana baitulmal tidak diuruskan mengikut Hukum Syarak,

ahliwaris yang disebut didalam al-Quran lain dari pada suami dan isteri, boleh selepas mendapat bahagian tertentu mereka dan jika tidak terdapat ahli waris lain, memohon baki harta pesaka itu dibahagikan mengikut bahagian masing-masing. Kerajaan disingkirkan oleh dhawil arham, jika simati tidak meninggalkan ahli waris yang berhak. Dhawil arham termasuk semua saudara, lain dari yang telah disebut sebagai ahli waris berhak. Ada sepuluh jenisnya iaitu (1) bapa kepada ibu dan datuk nenek lain dari yang telah disebut (2) Anak kepada anak perempuan (3) Anak perempuan kepada saudara lelaki (4) Anak kepada saudara perempuan (5) Anak kepada saudara lelaki seibu (6) saudara bapa seibu (7) Anak perempuan kepada saudara bapa (8) Saudara perempuan bapa (9) Saudara lelaki dan perempuan ibu (10) Saudara mara orang-orang itu lelaki dan perempuan.

Kemudian jika didapati bahawa kedua saksi itu sesudah

3. Undang-Undang Wasiat Islam

perkara yang mereka menjadi saksi itu, maka hendaklah dua orang yang

Didalam al-Quran disebutkan maksudnya -

(a) Kamu diwajibkan apabila seseorang dari kamu hampir mati jika ia ada meninggalkan harta hendaklah ia membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik, sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa

Kemudian sesiapa yang mengubah mana-mana wasiat sesudah ia mendengarnya maka sesungguhnya dosanya hanya ditanggung oleh orang-orang yang mengubahnya; sesungguhnya Allah Maha Mendengar, Lagi Maha Mengetahui.

Tetapi sesiapa yang mengetahui bahawa orang yang berwasiat itu tidak adil atau melakukan dosa, lalu ia mendamaikan antara mereka waris-waris, maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, Lagi Maha Mengasihani.

(Sura al-Baqarah (2) : 180 - 182)

(Sura al-Maida (5) : 106 - 108)

b. Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang diantara kamu hampir mati, ketika ia mahu berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil diantara kamu,

(c) Aileh perintahkan kamu mengenai pembahagian harta pesaka untuk anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua atau dua orang yang lain yang bukan seugama dengan kamu jika kamu dalam pelayaran dimuka bumi lalu kami ditimpa bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu hendaklah kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka disuruh bersumpah dengan nama Allah dengan berkata "Demi Allah! kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat dan kami tidak menyembunyikan keterangan yang kami ketahui sebagai saksi sebagaimana diperintahkan oleh Allah kerana jika kami menyembunyikannya tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa.

Kemudian jika didapati bahawa kedua saksi itu sesudah bersumpah ada melakukan dosa, kerana berdusta atau mengkhianati dalam perkara yang mereka menjadi saksi itu, maka hendaklah dua orang yang lain menggantikan tempat mereka dari waris-waris simati yang lebih dekat, yang lebih berhak menuntut dan memberi keterangan yang sebenarnya, kemudian mereka bersumpah dengan nama Allah dengan berkata "Demi Sesungguhnya, pensaksian kami lebih berhak diterima daripada pensaksian kedua saksi itu dan kami tidak melampaui batas kerana jika kami membuat demikian tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang zalim.

Hukum-hukum dan peraturan-peraturan menjadi saksi yang tersebut itu adalah jalan yang lebih dekat untuk mereka memberi keterangan pensaksian menurut cara yang sebenarnya, atau untuk mereka merasa takut akan ditolak sumpah mereka sesudah mereka bersumpah. Oleh itu betaqwalah kepada Allah dan dengarlah dengan patuh segala perintah dan ingatlah Allah tidak memberi hidayah pertunjuk kepada kaum yang fasik".

(Sura al-Maida (5) : 106 - 108)

berseluruhan seperti dengan mendapat sumbangan khas dan para yang diwajibkan oleh simati dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiatwasiat yang kerobok hendaklah tidak mendatangkan sudarat kepada waris-waris. Tiap-tiap satu hukum itu ialah ketetapan Allah. Dan ingatlah Allah Akbar! Hafiz; Maka Mengetahui Lagi Nama Penyanyi.

(c) Allah perintahkan kamu mengenai pembahagian harta pesaka untuk anak-anak kamu iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu dua atau lebih maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh simati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja maka bahagiannya ialah separuh harta itu. Dan bagi ibu bapa simati tiap-tiap seorang dari keduanya seperenam dari harta yang ditinggalkan oleh simati, jika itu mempunyai anak. Tetapi jika simati tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisi hanyalah kedua ibu bapanya, maka bahagian ibunya ialah sepertiga. Kalau pula simati itu mempunyai beberapa orang saudara adik beradik maka bahagian ibunya ialah seperenam. Pembahagian itu ialah sesudah diselesaikan wasiat yang telah diwasiatkan oleh simati dan sesudah dibayarkan hutangnya. Ibu bapa kamu dan anak-anak kamu, kamu tidak mengetahui siapa diantaranya yang lebih dekat serta banyak menfaatnya kepada kamu. Pembahagian harta pesaka dan penentuan bahagian masingmasing seperti itu ialah ketetapan dari Allah; sesungguh Allah adalah Aliman hakim (Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana).

Dan bagi kamu seperdua dari harta yang ditinggalkan oleh isteri-isteri kamu jika mereka tidak mempunyai anak. Tetapi jika mereka mempunyai anak maka kamu beroleh seperempat dari harta yang mereka tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang mereka wasiatkan dan sesudah dibayarkan hutangnya. Dan bagi mereka isteri-isteri pula seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, jika kamu tidak mempunyai anak. Tetapi kalau kamu mempunyai anak maka bahagian mereka ialah seperlapangan dari harta yang kamu tinggalkan, sesudah ditunaikan wasiat yang kamu wasiatkan dan sesudah dibayar hutang kamu. Dan jika simati yang diwarisi itu, lelaki atau perempuan, yang tidak meninggalkan anak atau bapa dan ada meninggalkan seorang saudara lelaki seibu atau saudara perempuan seibu, maka bagi tiaptiap seorang dari keduanya ialah seperenam. Kalau pula mereka lebih dari seorang, maka mereka bersekutu pada sepertiga dengan mendapat sama banyak lelaki dan perempuan, sesudah ditunaikan wasiat yang diwasiatkan oleh simati dan sesudah dibayarkan hutangnya; wasiatwasiat yang tersebut hendaklah tidak mendatangkan mudarat kepada waris-waris. Tiap-tiap satu hukum itu ialah ketetapan Allah. Dan ingatlah Allah Aliman Halim; Maha Mengetahui Lagi Maha Penyabar.

(e) Ibn Abbas berkata bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda " Tidak ada wasiat bagi ahli waris kecuali jika yang lain ahli waris Ada juga terdapat hadith yang membolehkan wasiat dibuat setakat dalam had tertentu - (Sunan abu Dawud Kitab al-Wasiya Vol. 2 p. 805)

(a) Ibn Umar berkata bahawa Rasulullah (s.a.w.) telah bersabda maksudnya - Hak bagi seorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang hendak diwasiatkan sesudah bermalam dua malam tiada lain wasiatnya itu tertulis pada amal kebajikannya. Ibu Umar berkata "Tidak berlaku bagiku satu malampun sejak aku mendengar Rasulullah (saw) mengucapkan hadith itu kecuali wasiatkan selalu berada disisikan".

(Sunan Abu Dawud, Kitab al-Wasiya Vol 2 p. 805)

(b) Sa'd b. Abu Waqqas berkata "Telah datang Nabi (saw) untuk menengok aku, sedang aku ada di Mecca. Aku berkata "Wahai Rasulullah, apakah aku harus mewasiatkan semua hartaku". Beliau menjawab "Tidak". Aku berkata "Separuhnya". Beliau menjawab "Tidak". Aku berkata "Sepertiga". Beliau menjawab "Ya sepertiga. Dan sepertiga itu banyak. Sesungguhnya bila engkau meninggalkan ahli warisan kaya itu lebih baik daripada engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-meminta kepada manusia dengan tangan mereka"

(Sunan Abu Dawud Kitab al-Wasiya Vol. 2 p. 805 - 806)

(c) Diriwayatkan oleh Ibn Abbas " Ayat al-Quran yang bermaksud "Kamu diwajibkan apabila seseorang dari kamu hampir mati jika ia ada meninggalkan harta hendaklah ia membuat wasiat untuk ibu bapanya dan kaum kerabatnya". Wasiat dibuat sedemikian hingga diwahyukan ayat warisan"

(Sunan Abu Dawud Kitab al-Wasiya Vol. 2 p. 807)

(d) Abu Umamah berkata bahawa Nabi (s.a.w.) telah bersabda "Sungguhnya Allah telah menentukan hak tiap-tiap ahli waris dan dengan ketentuan itu tidak ada hak wasiat lagi bagi ahli waris"

(Sunan Abu Dawud Kitab al-wasiya Vol. 2 p. 808)

- (e) Ibn Abbas berkata bahawa Nabi (s.a.w.) bersabda " Tidak ada wasiat bagi ahli waris kecuali jika yang lain ahli waris bersetuju" (Mishkat al Masabih Vol. 2 225)

- (f) Diriwayatkan dari Jabir, ia berkata telah bersabda Rasulullah saw "Barang siapa yang mati didalam keadaan berwasiat maka ia telah mati dijalan Allah dan Sunnah, mati didalam keadaan taqwa dan syahid dan mati didalam keadaan diampuni dosanya. (Mishkat al Masabih Vol. 2 p. 326)

- (g) Diriwayatkan oleh Imran b. Hussin bahawa ada seorang yang berwasiat memerdekaan enam hambanya. Orang itu tidak mempunyai apa-apa harta lain. Nabi (s.a.w.) telah memerintahkan hamba itu dibahagikan dengan undi kepada tiga kelompok. Beliau memerdekaan dua hamba itu dan yang lain tidak.

(Shafii Kitab al-Umm Vol. 5 p. 465)

Wasiat ialah pemberian seseorang kepada orang lain baik berupa barang, hutang ataupun manfaat untuk dimiliki oleh orang itu sesudah orang yang berwasiat mati. Ia adalah dijeniskan sebagai pemindahan harta secara aqd dan ia diadakan dengan ijab orang yang memberi harta itu dan qabul orang yang menerimanya. Syarat wasiat itu ialah - (a) orang yang berwasiat (al-mushi), (b) penerima wasiat (al-musha lahu), (c) barang yang diwasiatkan (al-musha bihi) dan (d) ijab dan qabul.

- (a) Mengenai orang yang memberikan wasiat telah disepakat fuqaha bahawa ia adalah setiap pemilik barang dan sah pula hak miliknya, samada ia Muslim atau bukan Muslim, samada lelaki atau perempuan, dengan syarat ia dewasa, berakal dan merdeka. Tidaklah sah wasiat dari kanak-kanak, orang gila dan orang yang terpaksa.

Didalam kes Amamullah lwn. Hajjah Jamilah [1975] 1 MLJ 30 telah diputuskan bahawa sungguhpun Wills Ordinance tidak terpakai bagi orang Islam, akan tetapi Undang-Undang Islam adalah sama dengan apa yang diperuntukkan didalam Seksyen 3 Wills Ordinance yang memerlukan seorang sihat akalnya apabila membuat wasiat. Di dalam kes itu diputuskan wasiat tidak sah kerana orang yang dikatakan membuat wasiat itu dalam sakit tenat dan didalam keadaan tidak sedarkan diri.

(b) Imam Nawawi didalam Minhaj-et-Talibin telah berkata maksudnya - "Pemberian melalui wasiat untuk kebajikan dan hendaklah mempunyai tujuan yang sah di sisi undang-undang; oleh kerana itu pemberian tidak boleh dibuat untuk penyelengaraan gereja Christian atau Yahudi. Pemberian untuk seorang atau lebih individu dibenarkan dengan syarat orang itu boleh menggunakan hak harta. Oleh kerana itu pemberian untuk anak dalam kandungan hanya berkesan atas dua syarat iaitu anak itu hidup dilahirkan dan kandungan itu telah bermula pada masa pemberian itu dibuat, iaitu kelahiran itu terjadi sebelum habisnya enam bulan. Jika kelahiran itu terjadi selepas enam bulan anak itu tidak dianggap dikandungkan sebelum pemberian itu dibuat, sekurangkurangnya jika suami itu tidak berhenti bersedukan dengan ibu anak itu -

Pemberian melalui wasiat kepada binatang adalah tidak sah, samaada niatnya hendak menjadikan binatang pemilek harta itu atau tidak; akan tetapi apa bila disebutkan pemberian itu hendaklah digunakan supaya binatang itu tidak didalam kelaparan dan memerlukan makanan, dokrin biasa ialah cenderong untuk menyesahkannya.

Pemberian untuk menyelengaraan masjid adalah sah dan juga pemberian untuk kepentingan masjid. Didalam keadaan itu pemberian itu dianggapkan bukan sahaja untuk menyelengarakan masjid akan tetapi untuk membaiki bangunannya.

Pemberian boleh diberi kepada seorang bukan Islam, samada rakyat raja Islam atau tidak dan kepada seorang murtad dan seorang yang kemudiannya menyebabkan kematian orang yang membuat wasiat itu.

Pemberian kepada ahli waris yang ditetapkan hanya sah jika dipersetujuui oleh semua ahli waris yang lain, selepas hak warisan terbuka. Persetujuan ini diperlukan sungguhpun ahli waris yang lain telah menolak tuntutan mereka terhadap harta pesaka itu dan ia tidak boleh diberi sebelum kematian orang yang membuat wasiat itu. Ini oleh kerana pemberian itu hanya boleh dibatalkan jika ada ahli waris yang lain pada masa kematian itu, dan ini tidak dapat diketahui

sebelum kematian itu. Pemberian melalui wasiat memberikan kepada tiap-tiap ahli waris bahagiannya yang ditetapkan adalah tidak sah; akan tetapi tidak ada halangan memberi kepada tiap-tiap ahli waris harta yang tertentu yang mana nilainya sama dengan haknya; akan tetapi pemberian itu hendaklah dipersetujui oleh ahli waris yang lain. (Nawawi Minhaj-et-Talibin p. 259 - 260)

Didalam kes Shaikh Abdul Latif v. Shaikh Elias Bux [1915] a FMSLR 204 telah diputuskan bahawa dibawa undang-undang Islam seorang yang membuat wasiat tidak boleh memberi lebih dari satu pertiga harta kepunyaannya di waktu kematiannya; baki hartanya hendaklah dibahagikan mengikut bahagian yang ditetapkan oleh Undang-Undang Islam kepada ahli warisnya kecuali ahli waris bersetuju kepada perubahan yang dibuat.

Didalam kes Siti v. Mohamed Nor (1928) 6 F.M.S.L.R. 135 telah diputuskan bahawa peruntukan memberi satu ahli waris bahagian lebih besar dari apa yang ia berhak mendapat mengikut undang-undang Islam ada tidak sah kecuali dengan persetujuan ahli waris yang lain.

Didalam kes Saeda v. Haji Abdul Rahman [1918] 1 F.M.S.L.R. 135 telah diputuskan bahawa dibawah Undang-Undang Islam seorang yang membuat wasiat tidak boleh melambat pembahagian harta pesaka kepada ahli warisnya dan peruntukan didalam wasiat menyuruh wasi menguruskan harta pesaka itu untuk masa sepuluh tahun dan kemudian dibahagikan adalah tidak sah.

Didalam kes Amanullah v. Hajjah Jamilah [1975] 1 MLJ 30 telah diputuskan bahawa wasiat yang dibuat adalah tidak sah jika ia memberikan lebih dari satu pertiga harta pesaka dan cuba memberi hak yang lebih kepada seorang ahli waris.

Didalam kes Abdul Rahim v. Abdul Hameed [1983] 2 MLJ 78 telah diputuskan bahawa (a) mengikut Undang-Undang Islam seorang tidak boleh dengan wasiatnya memberi lebih dari satu pertiga harta pesakanya dan bakinya hendaklah dibahagikan kepada ahli waris mengikut hak masing-masing, melainkan ahli waris bersetuju (b) orang yang membuat wasiat tidak boleh melambatkan pembahagian harta pesakanya.

14/-

- (c) Selain dari benda-benda yang diperuntukkan didalam Hukum Syarak sebagai salah disisi undang-undang dan haram seperti babi dan minuman keras yang tidak boleh dianggap harta yang sah, harta yang dimiliki oleh orang yang membuat wasiat dan yang boleh menjadi benda yang boleh diaqadkan boleh menjadi harta yang boleh diwasiatkan.
- (d) Ijab dan qabul adalah rukun wasiat yang sah. Apa yang disebut oleh pembuat wasiat; adalah ijab dan apa yang disebut oleh penerima warisan adalah qabul. Wasiat tanpa penerimaan tidak lengkap, iaitu orang yang menerima warisan tidak menjadi pemilik harta yang diwasiatkan tanpa menerima warisan itu. Penerimaan dianggap sah jika dibuat selepas kematian pembuat wasiat; penerimaan atau penolakan didalam masa hidup pembuat wasiat tidak dikira. Oleh kerana itu jika penerima warisan mati didalam hayat pembuat wasiat, warisan adalah terbatal. Sebaliknya jika penerima warisan mati selepas penerimaannya dan selepas kematian pembuat wasiat, haknya boleh diwarisi oleh ahli warisnya.